

INSTITUSI KEKELUARGAAN ISLAM SEBAGAI TONGGAK STRATEGIK PENJAGAAN WARGA EMAS DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(The Islamic Family Institution As a Strategic Pillar For Senior Citizen in Brunei Darussalam)

MUHAMMAD FURQAN FIRDAUS SAMSUL MUAWAN*
CECEP SOLEH KURNIAWAN

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BE 1310, Negara Brunei Darussalam

ABSTRAK

Negara Brunei Darussalam menghadapi fenomena penduduk yang semakin menua. Sekalipun sudah tersedia strategi, akta dan dasar berkenaan hal ehwal warga emas di Negara Brunei Darussalam, penyediaan kerangka kerja dan garis panduan menjaga warga emas di Negara Brunei Darussalam berasaskan pandangan Islam masih belum ada. Segala inisiatif dan daya usaha kerajaan Negara Brunei Darussalam sudah terlaksana dengan sebaik dan secepat mungkin. Perjalanan seseorang menuju ke fasa penuaan turut diketengahkan dalam Islam sehinggakan keperluan terhadap peranan institusi kekeluargaan dalam menjaga warga emas perlu sentiasa dibincangkan kerana isu-isu yang timbul akan bervariasi sesuai transisi zaman. Maka, kajian ini merungkai (1) Perspektif barat dan Islam terhadap proses penuaan warga emas dan tingkatan usia, (2) Kekangan yang ditempuhi oleh warga emas ketika menghadapi proses penuaan, (3) Mekanisme kedinamikan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kebajikan warga emas dan (4) Membangun kerangka komprehensif untuk usaha pengukuhan penjagaan warga emas Negara Brunei Darussalam berasaskan panduan Islam. Kajian ini berteraskan kepada pendekatan kualitatif menerusi pendekatan kepustakaan, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penganalisisan data

*Corresponding author: Muhammad Furqan Firdaus Samsul Muawan, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BE 1310, Negara Brunei Darussalam, email: Fur.3189@gmail.com

Diserahkan: 10 Ogos 2024

Diterima: 15 Jun 2025

DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2025-1702-01>

dilaksanakan menerusi kaedah deskriptif dengan perisian NVivo versi 14. Hasil dapatan mendapati bahawa tanggungjawab institusi kekeluargaan berimpak besar dalam penjagaan pemeliharaan warga emas dan mengurangkan risiko penuaan di Negara Brunei Darussalam.

Kata Kunci: Institusi kekeluargaan Islam; warga emas; penjagaan; penuaan; Negara Brunei Darussalam

ABSTRACT

Brunei Darussalam faces an aging population, but there is a lack of a comprehensive framework for senior citizen care based on Islamic guidance. Despite existing strategies and policies, the government has implemented them quickly. Islam emphasizes the importance of family institutions in caring for the senior citizen, and the role of family institutions in this process must be constantly discussed. This study examines (1) Western and Islamic perspectives on the aging process and age levels, (2) The challenges faced by the senior citizen, (3) The government's dynamic mechanism in addressing the senior citizen's welfare, and (4) The development of a comprehensive framework for the sustainability of senior citizen care in Brunei Darussalam. The study used a qualitative approach, including library interviews, observation, and document analysis and data was analysis using NVivo version 14. The results show that family institutions' responsibility significantly impacts the senior citizen's care and reduces the risk of aging in Brunei Darussalam.

Keywords: *Islamic family Institutions; elderly, care; aging; Brunei Darussalam*

PENGENALAN

Institusi kekeluargaan memainkan peranan dalam pembangunan kemaslahatan sejagat. Ini dinyatakan dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) iaitu Persidangan Menteri Kali Pertama Berkenaan Institusi Keluarga dan Perkahwinan (Pelita Brunei 2017). Adapun wujudnya pengaruh budaya luar yang menjadi kekangan kepada pengukuhan institusi kekeluargaan (Pelita Brunei 2017). Berdasarkan kenyataan dalam Program Mu'tamar Antarabangsa *Fiqh al-Ushrah* tahun 2023 (Muafiq 23) bersempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan di Negara Brunei Darussalam tahun 2023, tanggungjawab bagi setiap anggota dalam institusi keluarga itu adalah melindungi kehidupan keluarga daripada ketidakharmonian berteraskan pandangan Islam. Adapun pendekatan senegara (*Whole of Nation*) telah dilaksanakan bagi menyampaikan mesej bersempena Hari Keluarga Negara Brunei Darussalam bagi kualiti kehidupan berkeluarga (Pelita

Brunei 2023). Selain itu, wujudnya sebuah rancangan Rampai Pagi Radio Televisyen Brunei yang bertajuk “Segmen Undang-undang Keluarga” dari tahun 2004 hingga Mac 2007 yang mana telah dibukukan yang bernama “Institusi Keluarga dan Undang-Undang” karya Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya (Saadiah 2015).

Menurut petikan titah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Belas, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada 10 Oktober 2023 berkenaan dengan peranan institusi kekeluargaan terhadap pemantapan pembelajaran anak-anak berdasarkan Jabatan Perdana Menteri (2023):

Kerana itu, institusi keluarga mempunyai peranan penting dalam menyambung pembelajaran anak-anak di sekolah.

Adapun, institusi kekeluargaan turut dinyatakan dan dibincangkan dalam khutbah di Negara Brunei Darussalam yang bertajuk “Mengukuhkan Keharmonian Keluarga” pada 20 Mei 2023 (KHEU 2023):

Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara *Whole of Nation* dalam menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga dan pengukuhan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Satu istilah golongan belia industri berusia 25 sehingga 35 tahun yang didedahkan dengan program pemeraksanaan bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan (Khairul Nazif 2020). Kursus Pasca Perkahwinan boleh memberi pendedahan kepada institusi kekeluargaan yang harmoni (Nazihah Hanni & Azme Matali 2023). Masalah sosial adalah disebabkan keretakan institusi kekeluargaan sebagaimana ibu bapa menjadi agen yang penting terhadap mentaliti anak-anak mereka (Norashibah 2022). Selain itu, konsep *kafa’ah* perlu dititikberatkan dalam pembentukan institusi keluarga yang mampan (Maziyyatul Muzayyanah Samsul Muawan & Supri Sudin 2023). Komunikasi, kerjasama dan pemeraksanaan pendidikan boleh mengukuhkan institusi kekeluargaan dalam kalangan remaja (Khairul Amri, Iknor Azli & Hanan Aziz 2024).

Transisi penuaan penduduk global pada masa kini tidak menghentikan dunia untuk mencapai tren penuaan populasi berbeza antara negara-negara Asia dan Pasifik (*Economic and Sosial Commission for Asia and the Pacific ESCAP 2017*). Sektor kesihatan dan ekonomi telah memberi pemantapan terhadap masa hadapan dan tren penuaan populasi dunia termasuklah risiko kematian, kecederaan dan umur

penduduk dunia telah mencapai fasa usia tua setelah menempuhi fasa usia muda menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2020). Menurut perangkaan *Brunei Darussalam Key Indicators 2023* bagi populasi Negara Brunei Darussalam di tahun 2023, sebanyak 450,500 penduduk secara total berdasarkan kumpulan umur, di mana 328,000 penduduk bersamaan dengan 72.8% bagi kumpulan usia iaitu 15 tahun sehingga 64 tahun dan 7.0% bersamaan dengan 31,300 penduduk bagi kumpulan umur iaitu 65 tahun dan ke atas berdasarkan *Ministry of Finance and Economy MOFE* (2024). Adapun bagi definisi warga emas menurut *World Population Ageing 2023*, 65 tahun dan ke atas adalah didefinisikan dan dikategorikan sebagai warga emas (*Senior Citizen*) berdasarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2023).

JADUAL 1 Perangkaan jumlah populasi Negara Brunei Darussalam dari tahun 2021 sehingga 2023

1. Populasi			
	2021	2022	2023
Median Umur Populasi (Tahun)	31.7	32.0	32.5
Jumlah Populasi	440,715	445,400	450,500
0-4	27,355	29,700	30,000
5-9	31,934	30,600	29,800
10-14	31,087	31,200	31,400
15-19	33,790	32,400	31,500
20-24	37,099	37,100	36,900
25-29	41,106	40,900	40,900
30-34	40,534	40,800	41,500
35-39	38,425	38,900	40,200
40-44	35,463	36,800	37,300
45-49	31,542	31,600	32,300
50-54	26,732	27,600	27,900
55-59	20,937	21,200	22,00
60-64	16,817	17,900	17,500
65 dan ke atas	27,894	28,700	31,300
BDKI 2023			2

Sumber: Ministry of Finance and Economy MOFE (2024)

Definisi warga emas di Negara Brunei Darussalam adalah diklasifikasikan sebagai 60 tahun dan ke atas mengikut penetapan tahun 1982 iaitu persidangan di Vienna, Austria (Pusat Promosi Kesihatan (PPK). Menurut petikan titah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada 9 Oktober 2006 berkenaan dengan warga emas di Negara Brunei Darussalam berdasarkan Jabatan Penerangan, Hajah Rosidah (2015):

Terutama di kalangan orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada. Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara.

Menurut Mary Parker Follet (1993), pengurusan bermaksud manusia menjadi perantara untuk mendapatkan maklumat menerusi amalan pengurusan (Richard Barrett 2003). Tadbir urus menurut kacamata Islam adalah mengetengahkan aspek-aspek pelakuan, kepercayaan, budaya dan nilai yang mana seharusnya diterapkan dalam setiap tadbir urus dan pengurusan (Rozan Yunus 2022). Menurut Prof Amin Abdul Aziz konsep Maqāṣid Syarī'ah itu adalah tonggak dan asas pentadbiran Islam terhadap seorang muslim (Institut Perkhidmatan Awam IPA 2020). Penerapan konsep Maqāṣid Syarī'ah telah dilangsungkan di dalam tadbir urus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selaras menyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan pengukuhan Maqāṣid Syarī'ah sebagai tonggak kepada kejayaan negara berdasarkan Jabatan Perdana Menteri JPM (2018) iaitu:

Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan “Maqasid Syar’iah” adalah menjadi pra-syarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting, sebagai pemangkin kearah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan.


Maka, dalam masa yang sama, tercetusnya penjagaan warga emas menurut pandangan Islam dan pendekatannya dengan konsep Maqāṣid Syarī'ah bermatlamatkan menolak kemudaratan sebagaimana umat Islam khususnya anak yang dituntut untuk menghormati dan mengasihi mereka tanpa berbelah bahagi walau mereka bukan beragama Islam. Berdasarkan al-Quran surah al-Kahfi ayat 18:

Terjemahan: 18. Dan engkau menyangka mereka tidak tidur (kerana mata mereka terbuka sedikit) padahal (sebenarnya mereka tidur). Dan kami membalik-balikkan (badan) mereka ke sebelah kanan dan ke sebelah kiri (supaya badan mereka tidak rosak dimamah bumi) sedang anjing mereka mengunjurkan dua kaki depannya menghala ke pintu gua. Kalau engkau melihat mereka, tentulah engkau berpaling melarikan diri daripada mereka dan tentulah engkau akan dipenuhi rasa takut. (al-Quran al-Kareem 18:18). Menurut Syeikh al-Sya'rawi dalam kitab Tafsir al-Maraghi dalam bab مكان الكهف, beliau berkata bahawa ayat ذَاتَ الْيَمِينِ وَذَاتَ الشَّمَالِ memberi takrif bahawa terselitnya hikmah kepada kulit-kulit para belia agar tidak sakit menerusi


proses pembolakbalikan badan mereka selama tempoh 309 tahun lamanya. Manakala ayat وَلَمْ يَلِدْ مِنْهُمْ رُعبًا memberi maksud bahawa Allah SWT telah mengurniakan kepada mereka dengan satu kehebatan iaitu jika sesiapa ingin memandang mereka, maka akan timbul rasa gerun (al-Maraghi 1946).

SOROTAN LITERATUR

Pengkaji telah menggunakan dan menganalisis menerusi satu laman sesawang bagi sorotan literatur iaitu *Inciteful* dan satu lagi perisian pengaturcaraan bernama *VOSviewer*.



RAJAH 1 Kesenambungan di antara sorotan literatur bagi kajian ini menerusi perisian pengaturcaraan *Inciteful*



RAJAH 2 (a) Kesenambungan di antara sorotan literatur menerusi aspek abstrak menerusi perisian pengaturcaraan *Vosviewer*; (b) kesinambungan di antara sorotan literatur dari aspek tajuk dan abstrak bagi kajian ini menerusi perisian *Vosviewer*

Negara Brunei Darussalam akan menjadi negara yang mempunyai populasi penduduk yang menua iaitu 14% peratus daripada 7% pada tahun 2026 dalam tempoh 12 tahun (Nabihah Nabihah Matsah et. al 2023). Maka, sangat diperlukan kerangka kerja penyelidikan yang strategik iaitu kesedaran terhadap Sarcopenia di Negara Brunei Darussalam demi mencapai penuaan sihat. Aspek kerohanian adalah ciri-ciri yang mustahak penuaan di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam tetapi pastinya tidak senang (Jaidin 2023). Wujudnya kebimbangan yang semakin meningkat mengenai tren penduduk yang menua di kawasan Asia Tenggara (SEA), yang mungkin mengakibatkan implikasi sosioekonomi yang berat dan beban ke atas sistem penjagaan kesihatan khususnya warga emas (Nabihah Matsah et. al 2023). Maka, adalah diperlukan kerangka kerja bagi penuaan sihat di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, wujudnya perbincangan mengenai umur bagi seseorang yang akan masuk fasa penuaan iaitu bermula umur 33 tahun akan menerima beberapa kemerosotan selaras dengan usia iaitu di antara 30 tahun sehingga 33 tahun (Shah Rizul Izyan Zulkiply dan Noornajihan Jaafar 2022). Adapun al-Quran perlu dimanfaatkan semenjak usia muda lagi kerana al-Quran menjadi satu hiburan dan harapan di usia emas (Shah Rizul Izyan et. al 2021). Fasa penuaan yang akan dialami manusia perlulah diterima secara pasif tanpa berserah diri kepada keadaan tanpa apa-apa persiapan (Muhammad Hassan 2019). Maka, keperluan untuk memahami asas penuaan dan panduannya menurut Islam menjadi keharusan misalnya pengelolaan masjid-masjid dan badan-badan Islam. Adapun wanita-wanita di Negara Brunei Darussalam telah mempersiapkan diri dari merasa ketakutan akan kematian dengan menerima fasa penuaan berteraskan ajaran Islam dan menjadikannya sebagai satu wadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam menentang ideologi barat terhadap penuaan iaitu fasa perpisahan dan kematian (Jaidin 2019). Tambahan pula, wanita-wanita ini telah melihat usia emas seperti penerimaan skim pencen pada usia 60 tahun dan datuk nenek yang bersara pada usia 55 tahun. Konteks adat dan budaya keislaman di Negara Brunei Darussalam misalnya peranan ikatan kukuh institusi kekeluargaan telah memberi implikasi terhadap penuaan wanita-wanita ini termasuklah betapa kukuh kerohanian mereka. Tambahan pula, Rantau Asia-Pasifik kini jelas menyaksikan penuaan pesat kebanyakan negaranya dan Asia sudah pun menjadi Rantau, secara relatifnya, bilangan warga emas yang paling ramai (Phillips 2000). Negara Brunei Darussalam juga mementingkan aspek kebajikan sosial tidak terkecuali warga emas sebagaimana agama rasmi adalah agama Islam dan diterapkan dalam tingkah laku (Phillips 2000). Menjadi sebuah hambatan jika sekiranya sebuah negara tidak mengamalkan pendekatan Islam dalam sistem tadbir urus negara seperti konsep Maqāṣid Syarī'ah sebagaimana yang telah berlaku di Negara Brunei Darussalam sebelum tahun 1959 (Rozan Yunos 2022). Penerapan ajaran Islam, penguatkuasaan undang-undang Islam, penyebaran pendidikan Islam, pembinaan institusi-institusi dan pengawalan ekonomi dalam batasan Islam di Negara Brunei Darussalam telah memperkasakan kedudukan Islam bagi Negara Brunei Darussalam di persada dunia (Fatin Md Fareed 2020).


Demi mencapai kehidupan yang lebih berkualiti bagi warga emas, pendekatan "*Whole of Nation*" iaitu sokongan padu daripada semua pihak dalam penjagaan warga emas amat diperlukan (Mashitah Mutalib & Arasy Masod 2019). Demi menjauhi amalan penderaan dan pengabaian warga emas disebabkan penjagaan warga emas berkonsepkan barat dan tidak berteraskan agama, Islam telah menggariskan panduan untuk umat Islam misalnya penjagaan tingkah laku dan adab terhadap ibu bapa dan orang yang lebih tua daripada kita sepertimana yang telah dicontohi oleh Nabi Muhammad SAW dan pemerkasaan terhadap pendidikan agama (Noor et. al 2022). Peranan wakaf dalam tadbir urus warga emas dapat membantu memelihara kualiti hidup mereka akan tetapi perlulah secara bersistematik dan profesional dalam

kalangan pengurus berteraskan kehendak *Syara'* (Muhamad Firdaus Ab Rahman et. al 2020). Kerjasama pengurusan wakaf dengan pihak-pihak berkepentingan dengan warga emas misalnya pusat kegiatan warga emas, rumah warga emas dan sebagainya perlulah dilaksanakan agar mencapai kesefahaman dan perpaduan yang mampan (Muhamad Firdaus Ab Rahman et.al 2020). Satu lagi kewajipan umat Islam untuk menunaikan iaitu ibadat Zakat dapat menolong pemeliharaan golongan warga emas iaitu penerapan konsep *Maqāsid Syarī'ah* terhadap aspek kerohanian, kesihatan, ekonomi, tempat tinggal dan sebagainya (Muhamad Firdaus Ab Rahman et. al 2020).

Selain itu, pendekatan rakan sebaya telah menjadi solusi bagi menangani isu kesejahteraan dan pentadbiran warga emas kerana penglibatan membuat aktiviti-aktiviti secara berpasangan atau berkumpul mampu meningkatkan semangat mereka untuk terus hidup bahagia untuk kelangsungan kehidupan (Othman Abdul Rahman 2018). Pihak hal ehwal Islam yang berkepentingan dalam semua bidang perlulah sentiasa bersedia dan bertindak untuk mendapatkan hasil yang dituai bermatlamatkan pemeliharaan kemaslahatan sejagat misalnya pendekatan *Maqāsid Syarī'ah* tidak terkecuali bagi golongan warga emas (Tuan Sidek T.M & Ismail Hasanuddin 2021). Secara tidak langsung, kesedaran terhadap penjagaan warga emas bersandarkan kacamata Islam akan meningkat bagi semua pihak. Pihak-pihak yang mempunyai talian bersama warga emas misalnya penggubal dasar dan ahli keluarga sendiri juga telah ditekankan untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah lanjut usia ke fasa penuaan sebagaimana menjadi satu keperluan untuk melaksanakan penyelidikan menerusi pelan, dasar, strategi yang sudah ada berteraskan *Maqāsid Syarī'ah* (Tuan Sidek T.M & Ismail Hasanuddin 2023). Walau bagaimanapun, penyelidikan terhadap peranan institusi kekeluargaan dalam penjagaan warga emas mestilah tidak diketepikan dan dikelasduakan ini adalah tuntutan kalangan masyarakat tuntutan untuk mempedulikan warga emas sudah dinyatakan dalam al-Quran (Jaidin 2019).

Objektif kajian ini ialah meneroka (i) Perspektif Barat dan Islam terhadap proses penuaan warga emas dan tingkatan usia, (ii) Kekangan yang ditempuhi oleh warga emas ketika menghadapi proses penuaan, (iii) Mekanisme kedinamikan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kebajikan warga emas dan (iv) Membangun kerangka komprehensif untuk pemeliharaan warga emas Negara Brunei Darussalam berasaskan panduan Islam. Kajian ini penting untuk institusi - institusi kerajaan dan bukan kerajaan misalnya Bahagian Perkhidmatan Sosial, Kementerian Belia dan Sukan (BPS, KKBS), semua lapisan masyarakat Negara Brunei Darussalam dan warga Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam. Keperluan terhadap penyelidikan ini adalah untuk mengatasi kefahaman berkenaan penjagaan warga emas di Negara Brunei Darussalam berasaskan pandangan Islam sebagaimana isu-isu warga emas yang timbul akan bervariasi sesuai dengan transisi zaman.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



RAJAH 3 Kerangka kerja konseptual kajian dan maqasid yang kolaboratif iaitu M₁, M₂, M₃, m₄ dan m₅ sebagai objektif teras sebagai pemeliharaan warga emas yang menyokong objektif teras M₁ Hingga M₅

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah perspektif Barat dan Islam terhadap proses penuaan warga emas dan tingkatan usia?
2. Apakah kekangan yang ditempuhi oleh warga emas ketika menghadapi proses penuaan?
3. Apakah mekanisme kedinamikan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kebajikan warga emas?
4. Bagaimanakah pelaksanaan kerangka komprehensif untuk pemerkasaan penjagaan warga emas di Negara Brunei Darussalam berasaskan panduan Islam?


SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan memberikan manfaat kepada institusi-institusi kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi bukan kerajaan, jabatan-jabatan bukan kerajaan, masyarakat umum Negara Brunei Darussalam dan pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pemerkasaan penjagaan warga emas di Negara Brunei Darussalam berdasarkan perspektif Islam, khususnya dalam menghadapi fasa penuaan. Beberapa institusi yang terlibat dalam usaha ini termasuk Bahagian Perkhidmatan Sosial, Kementerian

Belia dan Sukan (BPS, KKBS), Bahagian Perkhidmatan Warga Emas dan Pencen, Jabatan Pembangunan Masyarakat (WEPP, JAPEM), Unit Penuaan Sihat, Pusat Promosi Kesihatan (UPS, PPK) serta Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE). Kajian ini bertujuan untuk memastikan pemeliharaan warga emas yang berkualiti dan cekap, yang berteraskan ajaran Islam dan aspek Maqāsid Syarī'ah serta sejajar dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB), Wawasan Negara 2035, Negara Zikir Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan panduan kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam mengembangkan pemahaman lebih mendalam tentang pendekatan Islam terhadap penjagaan warga emas termasuk konsep Maqāsid Syarī'ah yang merangkumi pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta membincangkan halangan-halangan dalam fasa penuaan, perbezaan antara Islam dan perspektif Barat dan peranan institusi kerajaan dalam menjaga kebajikan warga emas.

METODOLOGI

Pengkaji akan memperoleh maklumat dan pengumpulan data dalam kajian ini dengan empat instrumen kajian menerusi kaedah kualitatif. Pertama, pendekatan kepustakaan antaranya ialah Perpustakaan Daarul Ifta, Jabatan Mufti Kerajaan dan sebagainya. Kedua, analisis dokumen iaitu akta, artikel, buku akademik, buku turath, dasar, garis panduan, jurnal, kerangka kerja, kertas kerja, laporan mesyuarat, pelan antarabangsa, pelan strategik, pelan tindakan antarabangsa, pelan tindakan nasional, pelan tindakan, peraturan, perisytiharan, risalah dan tesis. Pada masa yang sama, pengkaji akan menganalisis kenyataan, laporan dan statistik daripada Unit Penuaan Sihat, Pusat Promosi Kesihatan (UPS, PPK), Jabatan Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (JAPIS, KHEU), Jawatankuasa Tadbir (JKT) Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (PKWE DBM), Unit Perkhidmatan Pencen dan Elaun (UPPE, WEPP) dan Unit Pembangunan Warga Emas (UPWE, WEPP), Bahagian Perkhidmatan Warga Emas dan Pencen-Pencen, Jabatan Pembangunan Masyarakat (WEPP, JAPEM). Ketiga, kaedah temu bual secara berstruktur dan separa berstruktur bersama seorang daripada Jawatankuasa Tadbir (JKT) Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (PKWE DBM) dan dua orang warga emas yang tidak terikat dengan mana-mana pusat, pertubuhan, kumpulan dan projek warga emas di Negara Brunei Darussalam. Terakhir, pemerhatian yang mana dilaksanakan secara bukan peserta (pemerhatian penuh) dan pemerhatian secara peserta (peserta sebagai pemerhati) terhadap satu program sahaja anjuran Jabatan Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (JAPIS, KHEU) bernama Ri'ayah Warga Emas (Klinik Undang-Undang Syariah). Selain itu, bagi penganalisan data, kaedah deskriptif telah digunakan menerusi perisian iaitu *NVivo Version 14*. Adapun metodologi carta aliran bagi kajian ini adalah seperti Rajah 4:



RAJAH 4 Metodologi carta aliran secara keseluruhan fasa bagi keempat-empat objektif kajian

Soalan-soalan temu bual yang dikemukakan adalah seperti dalam Jadual 2:

JADUAL 2 Soalan-soalan temubual

Urutan Nombor Soalan	Soalan-Soalan Temubual
S1	Apakah perbezaan yang amat ketara di antara pembangunan kualiti hidup warga emas di Negara Brunei Darussalam masa kini dan sebelumnya?
S2	Siapakah yang seharusnya bertanggungjawab dan berganding bahu dalam menggalas tugas bagi pembangunan kualiti hidup warga emas di Negara Brunei Darussalam?
S3	Apakah cabaran yang telah terjadi dan mungkin terjadi sekiranya pembangunan kualiti hidup warga emas Negara Brunei Darussalam itu tidak terjadi dan tidak berkembang?
S4	Apakah cadangan yang boleh diutarakan bagi memperkasa warga emas?
S5	Adakah pembayaran Pencen Umur Tua, Elaun Orang Buta, Elaun Bercelaru Mental, Elaun Pesakit Kusta dan Elaun Kurang Upaya melalui perkhidmatan kaunter dan bank cukup sesuai bagi warga emas? Apakah rintangan dan isu yang timbul berkenaan mengenai kaedah pembayaran tersebut?
S6	Adakah Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (PKWE DBM) di Negara Brunei Darussalam setaraf dengan pusat kegiatan warga emas di luar negara dari segi pengendalian dan infrastruktur? Misalnya pembinaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di negeri-negeri Malaysia.

S7	Adakah aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan di Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (PKWE DBM) bertepatan dengan Pelan Tindakan Warga Emas Negara Brunei Darussalam dan objektif mereka iaitu menyediakan platform, pendekatan <i>Whole of Nation</i> , menangani <i>Empty Nest Syndrome</i> dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat?
S8	Adakah penyelenggaraan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Tadbir Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (JKT PKWE DBM) itu memerlukan sokongan misalnya buah fikiran daripada golongan belia?
S9	Adakah masalah kekurangan jumlah tenaga pengajar belia, kekangan masa sesuai jadual dan kekangan kehadiran program-program perlu diambil perhatian?
S10	Adakah masalah kekurangan jumlah ruang kelas, belum mencapai <i>Communicative Learning</i> dan kerap berganti-ganti jenis program berjadual perlu diambil perhatian?
S11	Adakah aktiviti-aktiviti warga emas di Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (PKWE DBM) itu hanya perlu menumpukan kepada aktiviti dalaman atau aktiviti dalaman atau kedua-duanya sekali?
S12	Apakah saranan-saranan lain yang boleh dikemukakan bagi penambahbaikan garis panduan dan pengelolaan aktiviti-aktiviti di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) yang sedia ada?

JADUAL 3 Pengkodan data informen dalam kajian

Informan	Kod
JKT PKWE DBM	I1
Warga Emas Berusia 69	I2
Warga Emas Berusia 63	I3

HASIL DAN PERBINCANGAN

Penganalisisan Data

Semakan dokumen yang dilaksanakan berkenaan dengan istilah warga emas dalam bahasa Arab seperti dalam Jadual 4:

JADUAL 4 Semakan dokumen

No	Sumber	Istilah Warga Emas Berbahasa Arab	Definisi
1	Lukman Abdul Mutalib et al. (2019)	السَّبِيح	Mereka yang berusia dalam lingkungan 51-60 tahun yang mana fizikal mereka melemah. Juga, dikenali sebagai العَجُوز.
2		السَّبِيحُ الْفَنِيِّ	Mereka yang berusia dalam lingkungan 60-70 tahun yang mana dari aspek literal bermakna fana.
3		الْهَرَم	Mereka yang berusia melebihi 70 tahun dan dikenali sebagai الْوَهْل في al-Quran.
4			Mereka yang berusia sampai kepada penghujung usia tua dan menjadi lemah.
5			Mereka yang berusia 40 ke 50 tahun.
6		الْكَهْل	Mereka yang berusia melimpasi 30 hingga 50 tahun.
7	Hilali (2011)	السَّبِيح	Mereka yang berusia sampai kepada usia tua melebihi usia الْكَهْل tetapi tidak sampai ke peringkat الْهَرَم.
8		العَجُوز	Mereka yang berusia sampai kepada usia الْهَرَم.
9		الْمُسِنَّة	Mereka yang berusia panjang atau lanjut umur.
10		الْمُعْتَمِرُ وَمَنْ بَلَغَ أَوْدَلَ الْعُمَرِ	Mereka yang berusia panjang usianya oleh Allah SWT berbanding dengan orang-orang yang sebaya dengannya, sampai kepada penghujung umurnya dan lemah tubuh badannya. Ada beberapa pendapat yang ditarjihkan oleh para ahli ilmu bahawa الْمُعْتَمِرُ ialah mereka yang sampai kepada usia 60 tahun, manakala أَوْدَلَ الْعُمَرِ ialah ketika sampai 75 tahun.

JADUAL 5 Maklum balas penemubualan

Urutan Nombor Soalan	Maklum Balas Penemubualan
	Warga emas ketika dulu tidak terdedah dengan amalan pergaulan bermasyarakat atau bersosialisasi. Warga emas pada masa kini, banyak yang bekerja di sektor swasta dan sektor kerajaan. Setelah mereka mencapai usia warga emas, mereka akan sambung bekerja di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) untuk mengisi kekosongan yang ada sebagai Jawatan Kuasa Tadbir (JKT) dan Jawatan Kuasa Kerja (JKK). Bahkan, ada juga yang tidak melibatkan diri di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) atas sebab menjaga cucu dan waktu mereka untuk berehat di rumah (I1).

- Warga emas dulu tidak bekerja, gaji ketika waktu dahulu sebelum tahun 2000 dan 1990 adalah kecil berbanding sekarang dan Pusat-pusat kegiatan warga emas di Negara Brunei Darussalam ketika dahulu tidak ada (I2).
- Warga emas terdahulu, pernah berada di tahap yang professional contohnya telah menjawat jawatan jurutera, doktor dan sebagainya, ilmu yang mereka ada, mereka sumbangkan kepada negara sebagaimana yang kita rasa menerusi kemajuan-kemajuan yang ada. Bagi saya, warga emas sekarang, lebih kepada teknologi (Teknologi Informasi) yang terkini misalnya media elektronik dan sebagainya (I3).
- Orang muda yang bertugas, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan kerajaan-kerajaan yang membantu warga emas (I1).
- Yang paling utama adalah anak dan kerajaan Negara Brunei Darussalam sendiri (I2).
- Pihak kerajaan adalah yang seharusnya bertanggungjawab dan berganding bahu bagi warga emas misalnya penubuhan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Maka, jabatan ini bertugas untuk memantau seperti perkembangan-perkembangan warga emas yang telah berjasa kepada negara. Wujudnya jua bantuan-bantuan kebajikan. Oleh itu, warga emas dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) saling menyumbang satu dengan yang lain dari segi timbal balik ilmu, pengamalan dan kebajikan. Maka, sama-sama dapat merasakan kenikmatan yang ada (I3).
- Yang telah terjadi: Warga emas banyak dihantar di tempat masing-masing dalam menjalankan tugas yang dilantik, perlulah dihadapi dengan kesabaran dan mental yang cekal. Yang mungkin terjadi: ketidaksepadanan dan ketidakpuasan hati dengan Jawatan Kuasa Tadbir (JKT) (I1).
- Dari segi kesihatan, ada subsidi dan bahkan pembayaran secara percuma daripada kerajaan untuk penerimaan ubat-ubatan di hospital dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Maka, selaku rakyat di bawah naungan kerajaan Negara Brunei Darussalam, mestilah bersyukur atas segala kebajikan yang sedia ada (I2).

- Di Negara Brunei Darussalam, masih dapat golongan ini diperlukan dan menyumbang kepada negara misalnya dalam pentadbiran-pentadbiran negara. Banyak golongan warga emas yang telah pencen tetapi masih berkhidmat dan diperlukan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam atas dasar kepakaran, pengalaman dan ilmu yang ada. Misalnya, dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet 2022-2026 dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet 2022-2026 yang mana ada golongan warga emas yang masih diperlukan. Jika warga emas di Negara Brunei Darussalam diabaikan, maka sungguh sia-sia kerana mereka pernah di tahap yang professional dan penuh dengan kepakaran masing-masing. Sekurang-kurangnya, ilmu yang ada boleh dicurahkan kepada generasi-generasi seterusnya. Ilmu yang dicurahkan akan tidak putus jika dikongsikan kepada generasi seterusnya (I3).
 - S4 • Melibatkan diri di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) dengan pelbagai aktiviti dan pembelajaran dan mematuhi segala peraturan yang telah diaturkan (I1).
 - Bank menjadi pilihan dan jalur utama tetapi perlu berhati-hati kerana sudah banyak yang menipu (*Scammer*), elaun dibayar sebanyak \$10.00 sehari tetapi mencukupi dan memadai untuk seharian, boleh menampung dari pencen tua, Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) tidak terlalu tinggi tetapi mencukupi iaitu sebanyak \$200.00 lebih dan tidak mencapai \$400.00 lebih dan hasil dari duit sini dimanfaatkan misalnya pembayaran rumah dan sebagainya (I1).
 - S5 • Melalui pembayaran bank, adalah menjadi pilihan utama kerana tidak bersesak-sesak dengan warga emas yang lain. Dapat mengetahui bila seharusnya duit pencen masuk ke dalam akaun bank sendiri dan Masalah yang terjadi seperti terhapus secara tidak sengaja mesej yang menandakan sudah masuk duit pencen ke dalam akaun bank sendiri (I2).
 - Masa dahulu, jumlah pencen umur tua adalah \$250.00 BND. Bagi saya, sudah tiba masanya untuk dinaikkan jumlah pencen umur tua kerana harga bagi keperluan-keperluan dulu dan sekarang cukup jauh berbeza. Bagi saya juga, penyaluran pencen umur tua melalui bank adalah kaedah yang terbaik kerana tahu bila pembayaran pencen umur tua masuk ke akaun bank sendiri. Adapun pembayaran melalui ketua-ketua kampung, kadang-kadang timbul masalah dan ini merupakan pengalaman saya sendiri. Misalnya, waktu yang tergendala (I3).
-

S6	• Saya tidak pernah ke mana-mana pusat di luar negara, sangat bersyukur dengan prasarana dan infrastruktur yang disediakan misalnya selesa dari segi tempat letak kereta, tidak jauh dari rumah saya iaitu di Kampung Meragang dan tiada kesesakan jalan lalu lintas (I1). • Tidak ada rasa kesusahan dan kesunyian kerana ada rasa riuh-rendah dan aktiviti karaoke adalah salah satu aktiviti yang sangat diminati dan diadakan setiap hari Sabtu (I1). • Boleh menghilangkan rasa kesunyian dan terus mengalakkan warga emas untuk belajar suatu ilmu tanpa henti misalnya penglibatan acara kemasyarakatan (I2).
S7	• Bagi saya, di Negara Brunei Darussalam, kebanyakan aktiviti-aktiviti ke arah keagamaan. Misalnya, yang banyak hadir ke masjid dan melibatkan diri di acara keramaian masjid adalah golongan warga emas. Pada hujung minggu, diadakan jua program riadah, berjalan kaki (Walkaton), berbasikal yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu dengan tujuan untuk menyatukan warga emas dan meningkatkan daya tahan diri misalnya badan sihat. Yang selalu mengadakan acara-acara warga emas, kebanyakannya pihak-pihak masjid, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya (I3). • Boleh, menerima mana-mana yang baik dan menasihati mana-mana yang buruk dan semua tergantung kepada penyesuaian keadaan (I1). • Boleh asalkan dengan cara yang baik. Yang baik diambil dan yang keruh ditinggalkan (I2).
S8	• Bagi saya, saya sendiri tidak mengetahui bahawa wujudnya Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE). Bagi pendapat saya, mengesyorkan untuk disampaikan melalui media-media kerajaan, media-media elektronik dan sebagainya supaya warga emas dapat berkumpul kembali. Belia perlulah tetap memberi sokongan seperti mengadakan aktiviti-aktiviti hujung minggu yang berfaedah ataupun perbincangan di antara warga emas dan para-para belia berkenaan kemuskhilaran dan kewahaman yang timbul. Misalnya, maklumat berkenaan teknologi-teknologi yang baru seperti teknologi rawatan darah tinggi, kolesterol, kencing manis dan sebagainya (I3).
S9	• Seminggu, ada dua guru yang mengajar, waktu yang dijadualkan adalah di tahap yang baik, Kehadiran setiap program adalah di tahap yang baik, Kelas al-Quran hari Isnin ramai dan lelaki hanya tujuh ke lapan orang sahaja, mereka lebih bersemangat di waktu pagi berbanding waktu petang, Muqaddam waktu petang dan seorang pelajar lelaki sahaja dan acara bertahlil dari golongan lelaki memang ramai yang akan hadir (I1).

S10	• Ruangan yang sedia ada adalah cukup dan senang dibersihkan kerana di sana tiada yang bertugas sebagai pembersih, cara penyampaian daripada tenaga pengajar adalah di tahap yang baik dan ada perubahan yang sedikit bagi jenis aktiviti misalnya aktiviti tahlil sebulan dua kali (I1).
S11	• Berpendapat perlu seimbang sebagaimana diadakan aktiviti bowling di luar Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) (I1).
S12	• Kehadiran mesti ditepati, segala permakanan yang disediakan atas perbelanjaan mereka sendiri, Jawatan Kuasa Tadbir Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (JKT PKWE DBM) menyediakan minuman sahaja bagi ahli-ahli jika ada aktiviti, bajet yang diberikan hanya ditumpukan untuk aktiviti-aktiviti keusahawanan dan keagamaan dan jika ada aktiviti, setiap ahli disyorkan membawa <i>Pot Luck</i> (I1).

*Nota: S=Soalan, I=Informan

Maklum balas penemubualan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Bagi soalan pertama (S1), (I1) menyatakan bahawa warga emas ketika dulu, tidak terdedah dengan amalan pergaulan bermasyarakat atau bersosialisasi, warga emas pada masa kini, banyak yang bekerja di sektor swasta dan sektor kerajaan. Setelah mereka mencapai usia warga emas, mereka akan sambung bekerja di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) untuk mengisi kekosongan yang ada sebagai Jawatan Kuasa Tadbir (JKT) dan Jawatan Kuasa Kerja (JKK). Bahkan, ada juga yang tidak melibatkan diri di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) atas sebab menjaga cucu dan waktu mereka untuk berehat di rumah. (I2) menyatakan warga emas dulu tidak bekerja, gaji ketika waktu dahulu sebelum tahun 2000 dan 1990 adalah kecil berbanding sekarang dan Pusat-pusat kegiatan warga emas di Negara Brunei Darussalam ketika dahulu tidak ada. (I3) menyatakan bahawa warga emas terdahulu, mereka pernah di tahap yang professional contohnya telah menjawat jawatan jurutera, doktor dan sebagainya, ilmu yang mereka ada, mereka sumbangkan kepada negara sebagaimana yang kita rasa menerusi kemajuan-kemajuan yang ada. Bagi beliau, warga emas sekarang, lebih kepada teknologi (Teknologi Informasi) yang terkini misalnya media elektronik dan sebagainya. Bagi soalan kedua (S2 dan S11) menyatakan bahawa orang muda yang bertugas, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan kerajaan-kerajaan yang membantu warga emas. (I2) menyatakan bahawa yang paling utama adalah anak dan kerajaan Negara Brunei Darussalam sendiri. (I3) menyatakan bahawa pihak kerajaan adalah yang seharusnya bertanggungjawab dan berganding bahu bagi warga emas misalnya penubuhan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Maka, jabatan ini bertugas untuk memantau seperti perkembangan-perkembangan warga emas yang telah berjasa kepada negara. Wujudnya jua bantuan-bantuan kebajikan. Oleh itu.

warga emas dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) saling menyumbang satu dengan yang lain dari segi timbal balik ilmu, pengamalan dan kebajikan. Maka, sama-sama dapat merasakan kenikmatan yang ada.

Bagi soalan ketiga (S3 dan 11) menyatakan bahawa yang telah terjadi: warga emas banyak dihantar di tempat masing-masing dalam menjalankan tugas yang dilantik, perlulah dihadapi dengan kesabaran dan mental yang cekal. Yang mungkin terjadi: ketidaksepadanan dan ketidakpuasan hati dengan Jawatan Kuasa Tadbir (JKT). (I2) menyatakan bahawa dari segi kesihatan ada subsidi dan bahkan pembayaran secara percuma daripada kerajaan untuk penerimaan ubat-ubatan di hospital dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan maka, selaku rakyat di bawah naungan kerajaan Negara Brunei Darussalam, mestilah bersyukur atas segala kebajikan yang sedia ada. (I3) menyatakan bahawa di Negara Brunei Darussalam, masih dapat golongan ini diperlukan dan menyumbang kepada negara misalnya dalam pentadbiran-pentadbiran negara. Banyak golongan warga emas yang telah pencen tetapi masih berkhidmat dan diperlukan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam atas dasar kepakaran, pengalaman dan ilmu yang ada. Misalnya, dalam majlis Mesyuarat Negara (MMN), Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet 2022-2026 dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet 2022-2026 yang mana ada golongan warga emas yang masih diperlukan. Jika warga emas di Negara Brunei Darussalam diabaikan, maka sungguh sia-sia kerana mereka pernah di tahap yang professional dan penuh dengan kepakaran masing-masing. Sekurang-kurangnya, ilmu yang ada boleh dicurahkan kepada generasi-generasi seterusnya. Ilmu yang dicurahkan akan tidak putus jika dikongsikan kepada generasi seterusnya. Bagi soalan keempat (S4 dan 11) menyatakan bahawa melibatkan diri di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) dengan pelbagai aktiviti dan pembelajaran dan mematuhi segala peraturan yang telah diaturkan. Bagi soalan kelima (S5 dan 11) menyatakan bahawa bank menjadi pilihan dan jalur utama tetapi perlu berhati-hati kerana sudah banyak yang menipu (*Scammer*), elaun dibayar sebanyak \$10.00 sehari tetapi mencukupi dan memadai untuk seharian, boleh menampung dari pencen tua, Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) tidak terlalu tinggi tetapi mencukupi iaitu sebanyak \$200.00 lebih dan tidak mencapai \$400.00 lebih dan hasil dari duit sini dimanfaatkan misalnya pembayaran rumah dan sebagainya. (I2) menyatakan bahawa melalui pembayaran bank, adalah menjadi pilihan utama kerana tidak bersesak-sesak dengan warga emas yang lain. Dapat mengetahui bila seharusnya duit pencen masuk ke dalam bank akaun sendiri dan masalah yang terjadi seperti terhapus secara tidak sengaja mesej yang menandakan sudah masuk duit pencen ke dalam bank akaun sendiri. (I3) menyatakan bahawa masa dahulu, jumlah pencen umur tua adalah \$250.00 BND. Bagi beliau, sudah tiba masanya untuk dinaikkan jumlah pencen umur tua kerana harga bagi keperluan-keperluan dulu dan sekarang cukup jauh berbeza. Bagi beliau juga, penyaluran pencen umur tua melalui bank adalah kaedah yang terbaik kerana tahu bila pembayaran pencen umur tua masuk ke akaun bank

sendiri. Pembayaran melalui ketua-ketua kampung, kadang-kadang timbul masalah dan ini merupakan pengalaman beliau sendiri. Misalnya, waktu yang tergendala. Bagi soalan keenam (S6 dan 11) menyatakan bahawa dia tidak pernah ke mana-mana pusat di luar negara, sangat bersyukur dengan prasarana dan infrastruktur yang disediakan misalnya selasa dari segi tempat letak kereta, tidak jauh dari rumah beliau iaitu di Kampung Meragang dan tiada kesesakan jalan lalu lintas.


Bagi soalan ketujuh (S6 dan 11) menyatakan bahawa tidak ada rasa kesusahan dan kesunyian kerana ada rasa riuh-rendah dan aktiviti berkaroke adalah salah satu aktiviti yang sangat diminati dan diadakan setiap hari Sabtu. (I2) menyatakan bahawa boleh menghilangkan rasa kesunyian dan terus mengalakkan warga emas untuk belajar suatu ilmu tanpa henti misalnya penglibatan acara kemasyarakatan. (I3) menyatakan bahawa bagi beliau, di Negara Brunei Darussalam, kebanyakan aktiviti-aktiviti ke arah keagamaan. Misalnya, yang banyak hadir ke masjid dan melibatkan diri di acara keramaian masjid adalah golongan warga emas. Pada hujung minggu, diadakan jua program riadah, berjalan kaki (Walkaton), berbasikal yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu dengan tujuan untuk menyatukan warga emas dan meningkatkan daya tahan diri misalnya badan sihat. Acara-acara warga emas, kebanyakannya pihak-pihak masjid, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya. Bagi soalan kelapan (S8 dan 11) menyatakan bahawa boleh, menerima mana-mana yang baik dan menasihati mana-mana yang buruk dan semua tergantung kepada penyesuaian keadaan. (I2) menyatakan bahawa boleh asalkan dengan cara yang baik. Perkara yang baik diambil dan yang keruh ditinggalkan. (I3) menyatakan bahawa bagi beliau, beliau sendiri tidak mengetahui bahawa wujudnya Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE). Bagi pendapat beliau, mengesyorkan untuk disampaikan melalui media-media kerajaan, media-media elektronik dan sebagainya supaya warga emas dapat berkumpul kembali. Beliau perlulah tetap memberi sokongan seperti mengadakan aktiviti-aktiviti hujung minggu yang berfaedah ataupun perbincangan di antara warga emas dan para-para beliau berkenaan kemuskhilan dan kewahaman yang timbul. Misalnya, maklumat berkenaan teknologi-teknologi yang baru seperti teknologi rawatan darah tinggi, kolestrol, kencing manis dan sebagainya.

Bagi soalan kesembilan (S9 dan 11) menyatakan bahawa seminggu, ada dua guru yang mengajar, waktu yang dijadualkan adalah di tahap yang baik, kehadiran setiap program adalah di tahap yang baik, al-Quran hari Isnin ramai dan lelaki hanya tujuh ke lapan orang sahaja, mereka lebih bersemangat di waktu pagi berbanding waktu petang, Muqaddam waktu petang dan seorang pelajar lelaki sahaja dan acara bertahlil dari golongan lelaki memang ramai yang akan hadir. Bagi soalan kesepuluh (S10 dan 11) menyatakan bahawa ruangan yang sedia ada adalah cukup dan senang dibersihkan kerana di sana tiada yang bertugas sebagai pembersih, cara penyampaian daripada tenaga pengajar adalah di tahap yang baik dan ada perubahan yang sedikit bagi jenis

aktiviti misalnya aktiviti tahlil sebulan dua kali. Bagi soalan kesebelas (S11 dan 11) beliau berpendapat bahawa perlu seimbang sebagaimana diadakan aktiviti bowling di luar Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM). Bagi soalan kedua belas (S12 dan 11) menyatakan bahawa kehadiran mesti ditepati, segala permakanan yang disediakan atas perbelanjaan mereka sendiri, Jawatan Kuasa Tadbir Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (JKT PKWE DBM) menyediakan minuman sahaja bagi ahli-ahli jika ada aktiviti, bajet yang diberikan hanya ditumpukan untuk aktiviti-aktiviti keusahawanan dan keagamaan dan jika ada aktiviti, setiap ahli disyorkan membawa *Potluck*.

PERISIAN PENGATURCARAAN NVIVO

Data penganalisan menerusi perisian NVIVO adalah seperti Rajah 5:



RAJAH 5 Data Penganalisan berbentuk *Treemap* dan *Sunburst* menerusi perisian pengaturcaraan Nvivo Version 14

Analisis data menggunakan perisian NVivo Version 14 menunjukkan liputan aspek “Whole of Nation” sebanyak 45.83% (9 jawapan, I3), diikuti 13.37% (3 jawapan, I2) dan 9.71% (8 jawapan, I1). Aspek Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) mencatatkan 35.19% (22 jawapan, I1), 22.91% (4 jawapan, I3) dan 7.97% (3 jawapan, I2). Untuk aspek warga emas secara umum, liputan tertinggi adalah I3 (57.99%, 14 jawapan), diikuti I1 (31.59%, 20 jawapan) dan I2 (19.25%, 6 jawapan). Aspek cabaran warga emas menunjukkan 41.91% (7 jawapan, I3), 15.73% (9 jawapan, I1), dan 2.24% (1 jawapan, I2). Liputan aspek golongan belia adalah 13.56% (2 jawapan, I3), 2.09% (1

jawapan, I2) dan 1.60% (2 jawapan, I1). Bagi pembangunan kualiti hidup warga emas, liputan tertinggi adalah I3 (36.66%, 8 jawapan), diikuti I2 (23.57%, 5 jawapan) dan I1 (14.79%, 9 jawapan). Aspek pembelajaran sepanjang hayat mencatatkan 18.50% (4 jawapan, I3), 3.69% (1 jawapan, I2) dan 1.67% (1 jawapan, I1).

Pemerhatian Kajian

Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap satu aktiviti yang berkaitan dengan warga emas adalah seperti berikut:

Klinik Ri'ayah Warga Emas Anjuran Jabatan Perundangan Islam (JAPIS, KHEU)

Pengkaji menghadiri klinik undang-undang Syariah bertemakan 'Ri'ayah Warga Emas' pada 27 Januari 2024 di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Berakas. Klinik ini merupakan penutup bagi siri klinik Syariah yang diadakan di daerah Tutong, Temburong dan Belait. Acara dimulakan dengan ucapan oleh Pengarah JAPIS, Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah, diikuti tayangan klip video mengenai klinik tersebut. Terdapat juga kain rentang yang memaparkan maklumat tentang hukum Islam seperti pengurusan harta, PKHJS 2013 dan khidmat nasihat keluarga. Klinik ini juga melibatkan perkhidmatan kebajikan dari Unit Pembangunan Warga Emas (PWE, JAPEM), perkhidmatan pencen, talian kebajikan 141, serta Bahagian Perkhidmatan Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak (BPKWKK). Kaunter pertanyaan melibatkan harta pusaka, kekeluargaan dan jenayah Syariah. Acara ini turut dihadiri oleh pertubuhan WARGA MAS dan warga emas yang mengajukan pelbagai isu. Pegawai mencatat dan memberikan penjelasan kepada mereka. Jamuan disediakan untuk warga emas yang hadir.



RAJAH 6 Gambar oleh pengkaji sendiri

PERBINCANGAN

Pendekatan Senegara (*Whole of Nation Approach*) Sebagai Satu Kaedah yang Penting dalam Memelihara Warga Emas di Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil penemubualan soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu S2 (I1, I3), S3 (I2, I3), S4 (I1), S5 (I1, I3), S7 (I2, I3), S8 (I2, I3), S10 (I1) dan S11(I1), dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan, masyarakat dan golongan belia sangat berperanan dalam menyumbang kebajikan terhadap pemeliharaan warga emas di Negara Brunei Darussalam. Ketidakupayaan warga emas perlu diperhatikan sepenuhnya misalnya dalam aspek kesihatan yang mana Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam memajukan sektor-sektor kesihatan. Dari aspek penyaluran pencen umur tua terhadap warga emas di Negara Brunei Darussalam telah dilangsungkan dan kaedah penyaluran bank menjadi jalur yang sangat diutamakan di kalangan informan. Penglibatan warga emas terhadap kegiatan-kegiatan luaran dan dalaman terbukti mampu menghilangkan rasa kesunyian mereka. Maka, keperluan terhadap memperbanyakkan perhimpunan di antara warga emas dan belia amatlah dialu-alukan kerana sebarang isu, kewahaman dan suara warga emas dapat diajukan ke peringkat yang lebih tinggi dan dikaji dengan lebih teliti oleh pihak kerajaan khususnya bagi pemeliharaan warga emas. Tambahan pula, ini dapat memartabatkan amalan Islam iaitu amalan bantu-membantu tidak mengira generasi.

Kekangan Warga Emas Ketika Zaman Dahulu dan Zaman Sekarang di Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil penemubualan soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu S1 (I1, I2), S2 (I3), S3 (I1, I3), S4 (I1), S5 (I1, I3), S6 (I1), S8 (I3) dan S12 (I1), dapat disimpulkan bahawa wujudnya jurang dan lompong yang ketara ketika mana membincangkan mengenai cabaran dan kemajuan warga emas ketika waktu dahulu dan sekarang. Walaupun warga emas sekarang yang telah bersara dan disambung berkhidmat dengan jawatan yang baru ditetapkan, nilai keIslaman tetap diterapkan iaitu kesabaran. Pengiklanan dan pemartabatan warga emas di kaca televisyen, media-media elektronik dan media-media sosial perlu sentiasa di tahap yang tinggi dan dipertingkatkan lagi sebagaimana pengiklanan dan pemartabatan golongan warga emas. Jika sekiranya hal sedemikian berlaku, maka golongan warga emas dan golongan belia dapat bertukar-tukar pandangan dan pengalaman. Maka, dengan masa yang sama, penjagaan warga emas turut diambil kira di Negara Brunei Darussalam.

Pembangunan Kualiti Hidup Warga Emas Menerusi Kedinamikan dan Daya Usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil temubual soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu S1 (I1, I3), S2 (I1, I2, I3), S3 (I2), S4 (I1), S5 (I2), S6 (I2, I3), S8 (I2, I3), S10 (I1) dan S12 (I1), dapat disimpulkan bahawa golongan belia adalah golongan yang mempunyai kudrat dan daya pemikiran yang masih tinggi. Maka, inisiatif dan idea-idea mereka perlulah tidak diketepikan kerana mereka dapat menganalisis, menyesuaikan dan menerapkan idea-idea mereka sesuai transisi perubahan zaman dan keperluan warga emas yang pada setiap zaman adalah berbeza-beza. Maka, bagi pihak-pihak yang berkepentingan selain warga emas adalah dialu-alukan untuk mengambil segala idea-idea yang boleh digunakan dan menasihati idea-idea yang kurang bersesuaian dengan pemeliharaan warga emas. Pelaksanaan terhadap perhimpunan di antara warga emas dan golongan belia mampu membuahkan hasil berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan warga emas di Negara Brunei Darussalam misalnya pembinaan teknologi-teknologi dan kecerdasan buatan (AI) ciptaan belia dalam mengawal dan mengurangkan penyakit-penyakit yang mempunyai perangkaan yang tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Keperluan Terhadap Peranan Institusi Keluarga dan Golongan Belia dalam Pemerkasaan Pemeliharaan Warga Emas di Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil temubual soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu S2 (I1, I2), S3 (I3) dan S8 (I1, I2, I3), dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak mengetepikan dan mengabaikan golongan warga emas sebagaimana ada sebahagian warga emas diambil dan diberi jawatan untuk sambung bekerja berkat kepakaran dan pengalaman mereka yang standing dengan golongan-golongan yang lain. Pihak kerajaan telah membina Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di keempat-empat daerah menerusi Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi kegunaan warga emas. Sudah setentunya pengurusan dari segi penjadualan aktiviti, tempat pembelajaran, tahap kesihatan dan sebagainya perlulah di tahap yang baik dan kondusif agar mereka dapat mencapai penuaan yang berjaya dan kelangsungan kehidupan. Terbukti bahawa penglibatan warga emas menerusi pelbagai aktiviti-aktiviti yang sesuai mampu menjadikan mereka lebih bahagia dan tiada rasa kesunyian. Berdasarkan pemerhatian dan pemerhatian bagi ketiga-tiga tempat, dapat disimpulkan bahawa pengurusan yang sedia ada adalah di tahap yang baik akan tetapi memerlukan penambahbaikan agar mencapai keselesaan dan kecukupan secara sistematik sesuai pandangan Islam misalnya diterapkan konsep Maqāṣid Syarī‘ah.

RUMUSAN

Kajian ini menegaskan bahawa penjagaan warga emas menurut Islam melalui pendekatan senegara (*Whole of Nation Approach*) memperkukuh nilai tolong-menolong dan persediaan penuaan yang proaktif, bukan pasif (Jaidin 2023; Muhammad Haniff Hassan 2019). Peranan institusi kekeluargaan adalah kritikal dalam menjaga kesejahteraan kerohanian dan fizikal warga emas (Jaidin 2019). Tanpa penerapan Maqāsid Syarī'ah, pemeliharaan warga emas di Brunei akan terhalang, seperti yang berlaku sebelum 1959 (Rozan Yunos 2022). Kajian ini menyeru pengukuhan kerangka Islam dalam penjagaan warga emas, mempergiatkan hubungan antara belia dan warga emas, serta memastikan pendekatan senegara yang komprehensif untuk mencapai penuaan berjaya dan pemerkasaan institusi kekeluargaan (*Brunei Darussalam Declaration on Strengthening Family Institution 2010; ASEAN & Japan High-Level Meeting on Active Aging 2013*).

RUJUKAN

al-Quran.

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). 2010. *Negara Brunei Darussalam: Brunei Darussalam declaration on strengthening family institution: Caring for the elderly*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: The ASEAN Secretariat. <https://asean.org/wp-content/uploads/2021/01/Brunei-Darussalam-Declaration-on-Strengthening-Family-Institution-Caring-for-the-Elderly-2010.pdf> [26 Jun 2024].

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). 2013. *The 11th ASEAN and Japan high level officials meeting on caring societies adopted recommendations*. Japan: Ministry of Health, Labour and Welfare of Japan. https://www.mhlw.go.jp/english/policy/affairs/asean/dl/11th_30_Developing_Recommendations.pdf [3 Julai 2024].

Azman Ab Rahman, Hussein Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Ab Rahman. 2019. Peranan Institusi Zakat dan Model Pengurusan Kebajikan Warga Emas Berasaskan Maqasid Syariah: Tinjauan Awal di Selangor. *Prosiding Seminar Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019*, Universiti Sains Malaysia (USIM), hlm. 36-41. <https://fsu.usim.edu.my/wp-content/uploads/2019/04/E-prosiding-Persidangan-Industri-Warga-Emas-latest-ISBN.pdf> [5 Ogos 2024].

Department of Policy & Planning. 2019. *Strategic Plan 2019 - 2023*. Brunei Darussalam: Department of Policy & Planning, Ministry of Health (MOH). <https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/Strategic%20Plan%20MOH%202019->

2023/FINAL%20MOH%20Strategic%20Book%202019-compressed%20(5MB).pdf [6 Jun 2024].

Department of Statistics. 2024. *Brunei Darussalam Key Indicators 2023*. Brunei Darussalam: Department of Statistics, Department of Economic Planning and Statistics, Ministry of Finance and Economy (MOFE). <https://deps.mofe.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/DOS/BDKI/BDKI.pdf> [26 September 2024].

Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP). 2017. *Ageing in Asia and The Pacific: Overview*. Bangkok: United Nations.

Faculty of Arts and Social Sciences (FASS, UBD). CARE Health and Ageing Researchers at ADI-APRC 2023. Negara Brunei Darussalam: Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Brunei Darussalam, 27-29 Oktober. <https://care.ubd.edu.bn/?p=545> [2 November 2024].

Fatin Md Fareed. 2020. The role of Islam in the management and administration of Brunei Darussalam. *Islamic Research* 3(2): 45-49. <https://doi.org/https://doi.org/10.47076/jkpi.v3i2.48>.

Hajah Rosidah Haji Ismail. 2015. Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2006. Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir & Nurul Syakirah Zaini (kompilasi dan penyemak). Brunei: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Pameran, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, 73. <https://www.information.gov.bn/Malay%20Publication%20PDF/2006.pdf> [26 Ogos 2024].

Hilali, Sa'duddin Mus'ad. 2011. *Qadhaya Wa Ahkam Al-Musinnin Al-Mu'Asirah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Institut Perkhidmatan Awam (IPA). 2020. *Islamic Governance & the Maqasid of the Shari'ah*. Brunei: Islamic Governace at the Institute of Policy Studies UBD 2020. <https://www.ipa.gov.bn/Shared%20Documents/GW2020/Intro%20to%20Islamic%20Governance%20-%20Amin.pdf> [12 Ogos 2024].

Jabatan Perdana Menteri (JPM). 2018. *Titah KDYMM Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34*. Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri. <https://www.pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=301> [6 Ogos 2024].

Jaidin, I. 2019. Ageing and Malay Muslim Women in Brunei. Working Paper No. 48, Masters's Dissertations. Institute of Asian Studies, Universiti Brunei Darussalam.

- Jaidin, I. 2023. Older Malay Muslim Women in Brunei Darussalam: A Non-Western Conception of Aging. Dlm. Kwen Fee, L., Carnegie, P.J., Hassan, N.H. (pnyt.). *(Re)presenting Brunei Darussalam. Asia in Transition*, hlm. 20. Singapore: Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-19-6059-8_7.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Brunei. 2023. *Mengukuhkan Keharmonian Keluarga*. Khutbah, 19 Mei <https://www.mora.gov.bn/Lists/Khutbah/NewDisplayItem.aspx?ID=962> [04 Ogos 2024].
- Khairul Ismail & Iknor Azli & Hanan Aziz. 2024. Mengurangkan kes kehamilan remaja di luar perkahwinan melalui pemerkasaan pendidikan dan pertubuhan bukan kerajaan. *Jurnal Ilmiah Kesehatan* 16: 129-141. 10.48144/jiks.v16i2.1705.
- Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Setiyawan Gunardi & Hasnizam Hashim. 2019. Rahmat Allah kepada orang tua dalam beribadah menurut fikah Islam. Kertas Kerja Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019, Anjuran Universiti Sains Malaysia (USIM), Malaysia, 15-16 Mac. https://www.researchgate.net/publication/333419416_Peranan_Institusi_Zakat_dan_Model_Pengurusan_Kebajikan_Warga_Emas_Berasaskan_Maqasid_Syariah_Tinjaun_Awal_Di_Selangor/link/5cecb10458515026a613a06/download [20 Mei 2024].
- al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah al-Baabi al-Halbi.
- Mahmud Saedon A. Othman. 1997. *Pemedulian Ke Arah Meningkatkan Kualiti Kehidupan Pesara di Dalam Masyarakat Dari Pandangan Islam*. Brunei Darussalam: Pakar Perundangan Islam (PPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Mashitah Mutalib & Arasy Masod. 2019. Menerajui usia emas yang berkualiti: Kajian kes di pondok warga emas, madrasah Ibnu Mas'ud, Segamat. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 6: 25-29.
- Maziyyatul Muzayyanah Samsul Muawan & Sudin Supri. 2023. Analisis konsep kafa'ah terhadap keharmonian suami dan isteri dalam konteks isu-isu semasa di negara Brunei Darussalam [analysis of the concept of kafa'ah on the harmony of husband and wife in the context of current issues in Brunei Darussalam. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)* ٧٢-٤٩ : (٢)٧. <https://doi.org/10.37231/mjis.2023.7.2.228>.
- Mohd Khairul Nazif Haji Awang Damit. 2020. Cabaran Pembangunan Belia Berdepan Pasca Pandemik di Negara Brunei Darussalam. Malaysia. e-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 27 Oktober 2020. <https://www.ukm.my/bicaradakwah/wp->

content/uploads/2020/12/e-Prosiding-Bicara-Dakwah-Kali-Ke-21-71.pdf#page=6
[20 April 2024].

Muhamad Firdaus Ab Rahman, Abd Hamid Abd Murad, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Azman Ab Rahman. 2020. Peranan institusi wakaf dalam melestarikan pengurusan warga emas di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research* 8(1): 21-30.

Muhammad Hassan. 2019. Pemikiran Asas Berkaitan Islam dan Penuaan. Singapura: Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura PERGAS. <https://haniff.sg/wp-content/uploads/2019/05/artikel-islam-dan-penuaan.pdf> [6 Jun 2024].

Nabihah Matsah, Yusnida Yussof, Rahman Salwa, Ariffin Ali & Teo Shyh. 2023. *Framework for Healthy Ageing in Brunei Darussalam*. 10.13140/RG.2.2.28157.13289 [2 Mei 2024].

Nazihah Hanni & Azme Matali. 2023. Faktor krisis rumah tangga di negara Brunei Darussalam. *Asian People Journal (APJ)* 6(1): 93-110. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.401>.

Noor, M. S. M., Jamil, W. K. N.W., Anas, N. & Ramlan, A. N. M. 2022. Management of muslim elderly based on hadith Nabawi: A proposed model in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(5):1817-1830. 10.6007/IJARBS/v12-i5/13883.

Norashibah Besar. 2022. Gagasan negara zikir negara Brunei Darussalam: Kejayaan dan cabaran. Dlm. *Penyelidikan Islam: Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*, hlm. 13-28. Johor: Penerbit UTHM. ISBN 978-967-2817-72-7. <http://eprints.uthm.edu.my/7285/1/2.pdf>.

Othman Ab Rahman. 2018. Pendekatan rakan sebaya sebagai media berkesan dalam pengurusan warga emas muslim: Satu kajian kes di persatuan warga emas di Lembah Klang: peer approach as the effective medium in managing muslim elderly: a case study in elderly society at Klang Valley. *Journal of Fatwa Management and Research* 13(1): 660-75. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.213>.

Phillips. 2000. *Ageing in the Asia-Pacific Region: Issues, Policies and Future Trends*. Edisi Pertama. London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203463086>.

Pelita Brunei. 2017. Institusi Keluarga Berperanan Penting Pelihara Kesejahteraan Negara. 8-9 Februari. <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=467&ContentTypeId=0x0100BC31BF6D2ED1E4459ACCF88DA3E23BA8> [04 Ogos 2024].

- Pelita Brunei. 2023. Memperkasa Institusi Keluarga Bagi Meningkatkan Kualiti Kehidupan. 18 Julai. <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=47094> [04 Ogos 2024].
- Prime Minister's Office. 2023. *Titah KDYMM Sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Tahun 1445H / 2023M*. <https://www.pmo.gov.bn/Lists/TITAHNewDispform.aspx?ID=444&Source=https%3A%2F%2Fwww%2Epmo%2Egov%2Ebn%2FPMO%2520Pages%2FTitah%2DView%2Easpx&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34> [8 Ogos 2024].
- Richard Barrett. 2003. *Vocational Business: Training, Developing and Motivating People*. Edinburgh: Nelson Thomes.
- Rozan Yunos. 2022. *The Implementation of Government Policies Based on Islamic Governance, Maqasid Shariah and Whole of Nation Approach*. Brunei: Qasrun Nafis Publishing House.
- Saadiah. 2012. *Institusi Keluarga dan Undang-Undang*. Cetakan ke-2. Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Secretariat Editorial Committee BruMAP-NCD 2021-2025. 2021. *Brunei Darussalam Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD) 2021-2025*. Brunei: Ministry of Health (MOH).
- Shah Rizul Izyan Zulkipli & Noornajihan Jaafar. 2022. Warga Emas: Perbincangan Usia Warga Emas Melalui Islam dan Barat Serta Proses Penuaannya. *International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM* 8: 334-44. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/33> [2 Mei 2024].
- Tuan Sidek T.M & Ismail Hasanuddin. 2021. Membudayakan cara membuat keputusan berteraskan maqasid syariah dalam pengurusan organisasi Islam: Cultivating a maqasid al-Shariah based decisions making in Islamic organization management. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 2 (S2): 9-16. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S2\).6242](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S2).6242).
- Tuan Sidek T.M & Ismail Hasanuddin. 2023. Maqasid syariah sebagai satu panduan dalam pengurusan warga emas muslim di Malaysia: Maqasid syariah as a guide for the management of the elderly muslim in Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 8: 42-49. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v8i1.9325>.

Unit Kesihatan Dewasa dan Warga Emas. t.th. *Maklumat Kesihatan Bagi Warga Emas*. Negara Brunei Darussalam: Unit Kesihatan Dewasa dan Warga Emas, Pusat Promosi Kesihatan (PPK).

United Nations, Department of Economic and Social Affairs. 2023. Population Division World Population Ageing 2023: Challenges and opportunities of population ageing in the least developed countries. New York: United Nations. UN DESA/ POP/2023/TR/NO.5. https://www.un.org/development/desa/pd/sites/www.un.org.development.desa.pd/files/undesa_pd_2024_wpa2023-report.pdf [2 Mei 2024].

United Nations, Department of Economic and Social Affairs. Population Division. 2020. *World Population Ageing 2019*. New York: United Nations.